

Kawalan penyakit berjangkit kini tanggungjawab serantau

B/M 5/3/11
8-9.

Perubahan iklim, pekerja asing sebar semula penyakit generasi pertama



**Mohd Feroz
Abu Bakar**

rencanabh@bharian.com.my

APA kaitan pemanasan global dengan demam denggi atau malaria?

Sebenarnya, pelepasan gas rumah hijau yang mengakibatkan perubahan iklim iaitu suhu lebih hangat di kaki gunung dan kawasan bukan Tropika menjadikan lokasi berkenaan yang sebelum ini sejuk, tempat sesuai sebagai habitat nyamuk.

Serangga terutama nyamuk adalah pembawa (vektor) virus yang menyebarkan penyakit berjangkit kepada manusia menerusi gigitannya.

Akibat suhu lebih panas, tidak hairan berlaku kemunculan semula penyakit Tropika yang sudah berjaya dihapuskan di negara maju seperti demam denggi.

Di Florida, Amerika Syarikat sebagai contoh menyaksikan beberapa kes denggi, baru-baru ini selepas kes terakhir dilaporkan berpuluh-puluh tahun lalu menerusi kejayaan mengawal populasi nyamuk.

Di negara ini, tuberculosis atau tibi (batuk kering) sudah berjaya dihapuskan menerusi program vaksin untuk kanak-kanak sekolah tetapi virusnya muncul semula di negara ini menerusi kedat-

angan pekerja asing secara besar-besaran pada 1980-an.

Ini bermakna penyakit yang sudah berjaya dihapuskan di sesebuah negara juga boleh muncul semula menerusi kedatangan penduduk negara lain yang tidak menerima vaksin berkenaan.

Selain menerusi imigrasi penduduk dari negara lain, virus berkenaan juga boleh merebak menerusi penerbangan terutama dengan kemasukan pelancong asing.

Ini bermakna kawalan kesihatan sudah menjadi isu serantau dan bukan lagi masalah tempatan.

Ini menjadikan penyebaran penyakit Tropika sebagai ancaman yang tidak boleh dipandang ringan.

Setiausaha Agung SEAMEO TROPIC MED Network, Prof Dr Pratap Singh-sivanon, berkata kebanyakan negara kini memberi tumpuan semula kepada penyakit generasi pertama iaitu penyakit yang sudah berjaya dihapuskan atau dikurangkan pada kadar yang besar menerusi vaksin atau kawalan kesihatan umum.

Katanya, negara berkenaan sebelum ini memberi perhatian kepada penyakit generasi kedua seperti barah atau penyakit generasi ketiga seperti kesihatan mental, keganasan dan penyalahgunaan dadah tetapi kini berdepan dengan kemunculan semula penyakit generasi pertama.

Beliau yang juga Dekan Fakulti Perubatan Tropika Universiti Mahidol, Thailand, berkata kemunculan semua penyakit generasi pertama adalah akibat da-

ripada perubahan landskap dunia seperti proses perbandaran, industri penerbangan dan perubahan iklim.

"Penduduk boleh bergerak ke mana-mana tempat 24 jam sehari hingga menjadikan kawalan penyakit berjangkit bukan lagi tugas satu negara saja tetapi tanggungjawab serantau.

"Contohnya demam kuning dewasa (*Yellow fever*) berasal dari Afrika tetapi penduduk Asia Tenggara juga menghadapi risiko kerana nyamuk yang membawa virus ini sama dengan aedes.

"Ini bermakna aedes juga boleh membawa virus demam kuning dewasa," katanya di Serdang, Selangor, baru-baru ini.

Beliau berkata demikian selepas majlis menandatangani perjanjian persefahaman Universiti Mahidol bagi menubuhkan Sekolah Perubatan Tropika di Uni-



Ini bermakna penyakit yang sudah berjaya dihapuskan di sesebuah negara juga boleh muncul semula menerusi kedatangan penduduk negara lain yang tidak menerima vaksin berkenaan





DR PRATAP Singhasivanon (dua dari kanan) bertukar dokumen perjanjian dengan Pengerusi Universiti Perdana, Tan Sri Dr Mohan Swami sambil diperhatikan Menteri Pengajian Tinggi, Datuk Seri Mohamed Khaled Nordin (dua dari kiri).

versiti Perdana.

Penerokaan hutan, penebangan hutan dan penanaman semula pokok juga boleh mengakibatkan jangkitan penyakit kerana kebanyakan virus berasal dari serangga yang hanya tinggal di hutan tebal.

Selain itu, virus juga boleh disebarkan kepada manusia menerusi binatang atau burung.

Dr Singhasivanon memberi contoh vi-

rus Chikungunya yang hanya berada di dalam hutan tebal di rantau ini tetapi boleh dijangkiti kepada manusia jika digigit nyamuk yang membawa virus itu.

Beliau yang juga Penasihat Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO) berkata, kajian saintis menunjukkan 70 peratus daripada penyakit berjangkit berasal dari binatang liar dan tersebar menerusi burung atau haiwan.

Dengan lebih separuh penduduk dunia

tinggal di kawasan bandar, ditambah dengan kepesatan industri penerbangan dan perubahan iklim, katanya, menjadikan 2.5 bilion penduduk dunia menghadapi risiko dijangkiti penyakit Tropika seperti denggi dan malaria.

“Malaysia dan Singapura menunjukkan kadar denggi yang tinggi. Ini memerlukan kerjasama serantau untuk menghasilkan lebih ramai pakar penyakit Tropika untuk manfaat penduduk

ASEAN dan rantau lain,” katanya.

Sejak lebih 40 tahun lalu, lebih 2,600 graduan dari 50 negara dilahirkan Fakulti Perubatan Tropika Universiti Mahidol.

Fakulti kini mempunyai Pusat Diagnostik Denggi TROPMED, Pusat Kece-merlangan untuk Rangkaian Penyelidikan Klinikal Influenza Asia Tenggara dan Pusat Kerjasama WHO Untuk Pengurusan Klinikal Malaria.